


11. "Puan Pang dan Puan Devi, _____ lah jamah kuih ketayap ini," kata Puan Nani kepada tetamunya.
A usah
B tolong
C jemput
D jangan

12. Kita seharusnya _____ dengan keadaan di negara kita yang aman dan makmur walaupun rakyat negara kita berbilang bangsa.
A disyukuri
B bersyukur
C mensyukuri
D kesyukuran

13. Kursus baharu yang diperkenalkan di universiti itu bertujuan untuk _____ lebih banyak graduan dalam bidang sains dan teknologi.
A terlahir
B kelahiran
C dilahirkan
D melahirkan

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah ini.



14. _____ profesional itu sedang merakam gambar sekawan kerbau yang sedang berkubang di sebuah tali air.
A Jurugambar
B Jurugegas
C Jururawat
D Jurulatih
15. Pak Leman _____ kebun sayurnya dengan kawat untuk mengelakkan daripada dicerobohi haiwan liar.
A dipagari
B berpagar
C memagar
D dipagarkan